

**Pemangkin ekonomi luar Bandar
Utusan Online
Januari 24, 2012
Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN**

HARUS diakui, ketika Malaysia sedang menuju ke arah status negara maju menjelang 2020, masih ada masyarakat luar bandar yang mengeluh kerana perlu ke bandar-bandar utama untuk berurusan dengan agensi-agensi kerajaan atau mencari peluang meningkatkan pendapatan dan pekerjaan.

Lantaran tidak mahu setiap lapisan masyarakat di Malaysia terlepas daripada menikmati arus kemajuan pembangunan dan perubahan, semasa mengumumkan Bajet 2012 tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meletakkan usaha memajukan masyarakat luar bandar sebagai fokus ketiga kerajaan.

Ia dilaksanakan menerusi pelaksanaan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang menjadi pelengkap program transformasi menyeluruh negara selaras dengan Dasar Transformasi Nasional (DTN).

Tidak lama lagi, semua kesulitan masyarakat luar bandar itu kini boleh dianggap berakhir apabila kerajaan mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di bawah RTP dan ia akan dirasmikan Perdana Menteri pada 18 Februari depan di Gopeng, Perak.

Melalui RTC itu, penduduk luar bandar tidak perlu lagi ke bandar utama berurusan dengan agensi kerajaan atau untuk mencari peluang meningkatkan pendapatan dan pekerjaan kerana ia boleh dilakukan di bawah satu bumbung.

Melalui mekanisme RTC, ia akan menjadi pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, klinik serta ruang niaga.

Mengulas perkara ini, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, RTC yang diilhamkan Perdana Menteri merupakan satu pendekatan yang lebih lengkap untuk memastikan masyarakat luar bandar akan dapat dibantu.

Menerusi program itu, penduduk luar bandar yang berada sekitar kawasan 100 kilometer daripada lingkungan RTC bukan sahaja dapat memanfaatkan kemudahan dan latihan yang disediakan di pusat itu malah mereka berpeluang untuk menambah pendapatan masing-masing.

Sebelum ini katanya, untuk urusan memperbaharui cukai jalan atau membuat MyKad, penduduk luar bandar terpaksa ke bandar utama untuk berurusan dengan agensi kerajaan seperti polis dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Namun, semua kemudahan itu termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen, Pos Malaysia dan Klinik Kesihatan telah diselaraskan tanpa mereka perlu ke luar jauh ke bandar dan hanya diuruskan di RTC.

"Kemudahan perbankan juga turut disediakan menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Agro Bank di mana rakyat bukan sahaja boleh melakukan transaksi malah mendapatkan perkhidmatan yang disediakan pihak bank seperti pinjaman

"Malah, pusat itu juga mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada orang ramai terutamanya belia menerusi kios informasi dan penawaran oleh syarikat swasta dan peruncit yang beroperasi di situ," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Inisiatif

Mohd. Shafie berkata, Kementerian dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merupakan peneraju RTC dan ia akan dilaksanakan melalui lapan inisiatif utama yang turut disertai oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan.

Antara inisiatif itu adalah latihan kemahiran penduduk luar bandar, penubuhan kios informasi 1Malaysia, pertanian bernilai tinggi dan pemprosesan produk agro makanan.

Inisiatif lain adalah pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, perkhidmatan keselamatan makanan dan farmaseutikal serta kemudahan pembiayaan kewangan.

"Inisiatif yang akan kita laksanakan ini bukan sahaja dapat membantu penduduk luar bandar meningkatkan hasil mereka sama ada alam bentuk pertanian, perindustrian dan perkhidmatan malah pada masa sama ia mempunyai nilai tambah," katanya.

Mohd. Shafie berkata, kementerian sebagai peneraju akan melaksanakan dua inisiatif utama iaitu latihan kemahiran penduduk luar bandar yang akan diselia oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan penubuhan kios informasi 1Malaysia.

Katanya, antara latihan yang ditawarkan adalah keusahawanan, motivasi keusahawanan, pembungkusan dan penjenamaan, persembahan produk, pengurusan makanan ternakan, teknik fertigasi, kemahiran baikpulih pendingin hawa dan kemahiran teknologi kimpalan.

"Kesemua maklumat mengenai inisiatif ini lebih mudah diperolehi dengan kewujudan lima kios maklumat dan orang ramai boleh mendapatkannya di pusat berkenaan yang dirancang menjadi pusat maklumat setempat untuk pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

"Justeru itu, kita mempelawa seramai mungkin masyarakat luar bandar khususnya golongan belia untuk menyertai latihan yang akan kita disediakan di pusat berkenaan," katanya.

Mohd. Shafie menjelaskan, antara kios yang diwujudkan adalah Kios Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kios Jobs Malaysia; Kios MyEG; Kios Portal 1Malaysia Pengguna Bijak dan Kios Pusat Pembangunan Perniagaan Agri-Makanan.

Jelas beliau, selain agensi kerajaan, syarikat swasta turut dilibatkan dalam pusat itu antaranya Kontena Nasional yang menawarkan kemudahan logistik pemasaran produk, Syarikat DURIA untuk pemprosesan produk tanaman durian.

"Bagi menarik lebih ramai pengunjung ke RTC, KFC Holdings dan Mydin juga akan membuka premis perniagaan untuk kemudahan orang ramai," katanya.

Lokasi

Mohd. Shafie berkata, selain RTC Gopeng, Perak sebagai projek perintis, pusat itu juga telah diwujudkan di Kota Bharu, Kelantan dan akan diperluaskan ke empat buah lagi kawasan iaitu Kuala Kedah (Kedah), Kuala Linggi (Melaka), Tanjung Manis (Sarawak) dan Pekan Nanas (Johor).

Kementerian juga sedang mengenal pasti tapak RTC untuk dilaksanakan beberapa tempat dan ada di antaranya masih sedang mendapat persetujuan kerajaan negeri.

Katanya, pemilihan tapak untuk RTC dibuat berdasarkan strategi lautan biru di mana tempat-tempat yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya akan dijadikan sebagai pusat berkenaan.

"Kita menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk setiap inisiatif yang kita akan jayakan, namun jumlah peruntukan untuk pusat-pusat ini termasuk untuk RTC Gopeng belum kita ketahui lagi kerana ia melibatkan banyak kementerian," katanya.

Mohd. Shafie menjelaskan, setiap RTC yang dibangunkan akan mempunyai konsep yang sama namun mempunyai tumpuan yang berbeza tertakluk kepada kegiatan yang ditawarkan di kawasan terlibat.

Katanya, waktu operasi setiap RTC adalah sama seperti pejabat agensi awam lain di setiap negeri manakala bagi pihak swasta. waktu operasi mereka tertakluk kepada kapasiti dan keupayaan perniagaan masing-masing.

Perasmian RTC Gopeng

Mohd. Shafie berkata, seramai 30,000 orang pengunjung dijangka akan membanjiri RTC Gopeng semasa perasmianya oleh Najib pada 18 Februari depan.

Katanya, terdapat pelbagai pameran yang telah diatur berkaitan agensi awam, peluang kerjaya, demonstrasi pembungkusan produk dan perkhidmatan akan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi masing-masing yang berlangsung dari 16 hingga 19 Februari.

"Alhamdulillah, reaksi yang kita terima dari orang ramai untuk menjayakan program ini amat menggalakkan setelah mereka mengetahui banyak peluang yang boleh mereka manfaatkan," katanya.

Harapan

Mohd. Shafie berkata, RTC yang akan dilancarkan Perdana Menteri dijangka mampu menjadi platform memasarkan produk keluaran masyarakat luar bandar ke pasaran antarabangsa.

Katanya, keyakinan itu adalah bersandarkan kepada pelbagai latihan kemahiran yang akan disediakan kepada peserta serta inisiatif yang dilaksanakan kementerian terlibat.

"Produk dan perkhidmatan ini sekiranya mempunyai kaedah pembungkusan, penjenamaan dan persembahan yang menarik serta nilai tambah lain, akhirnya kita boleh pasarkan bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

"Sudah tentu ia bukan hanya meningkatkan pendapatan petani tempatan malah ia mampu menyumbang kepada hasil negara. Justeru kita mempelawa seramai mungkin masyarakat luar bandar khasnya belia untuk menyertai latihan yang akan kita disediakan," katanya.

Selain itu, Mohd. Shafie berharap RTC yang menawarkan pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung dapat memberi khidmat paling dekat dan terbaik kepada penduduk luar bandar amnya dan seluruh penduduk kawasan sekitar khususnya.

Dengan adanya pelbagai kemudahan itu katanya, beliau menyeru penduduk luar bandar menggunakan kemudahan disediakan dengan bijaksana khususnya dalam meningkatkan pendapatan, mencari peluang pekerjaan, menambah ilmu keusahawan dan sebagainya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0124&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm